



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Fax : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

KP(BPSH-SPSM)301/02/12 Jld.12(31)

28 Februari 2014

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Pengarah
Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan

Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas

Pengarah
Bahagian Sukan

Pengarah
Bahagian Kesenian dan Kokurikulum

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan,

PRINSIP PENGIRAAN KEPERLUAN GURU HAK SEKOLAH

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa satu mesyuarat telah diadakan pada 8 Februari 2014 bagi membincangkan kaedah yang terbaik berhubung dengan pengiraan keperluan guru hak sekolah berdasarkan kepada opsyen dominan. Kaedah pengiraan keperluan guru hak sekolah ini sangat penting difahami dengan jelas oleh semua guru dan pentadbir sekolah, pegawai yang menguruskan data di Pejabat Pendidikan Daerah, pegawai yang menguruskan data di Jabatan Pendidikan Negeri, pegawai yang menguruskan data di Bahagian-Bahagian Sektor Operasi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.

3. Sehubungan dengan itu, cadangan secara teknikal tentang prinsip pengiraan keperluan guru hak sekolah telah dipersetujui dalam mesyuarat tersebut. Dengan ini dikemukakan prinsip tersebut bagi menentukan keperluan guru hak sekolah supaya jelas dan tepat. Prinsip tersebut adalah seperti berikut;


- 3.1 Kelulusan Ikhtisas dan guru mengajar mengikut kelulusan ikhtisas – Sijil Pendidikan / Diploma Pendidikan / KPLI dikira sebagai opsyen dominan.
- 3.2 PPLD yang melanjutkan pelajaran tanpa pendidikan (*education*) dan tanpa kebenaran Kementerian Pendidikan Malaysia maka kelulusan ikhtisas sijil pendidikan / diploma pendidikan diguna pakai dalam menentukan opsyen dominan.
- 3.3 PPLD yang melanjutkan pelajaran dengan kebenaran KPM maka kelulusan ikhtisas adalah berdasarkan kepada akademik tertinggi dalam menentukan opsyen dominan.
- 3.4 Pertukaran opsyen (*Conversion Course*) juga boleh diguna dalam menentukan opsyen dominan.
- 3.5 Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) juga boleh digunakan dalam menentukan opsyen dominan.
- 3.6 Bilangan waktu mengajar (yang mana lebih banyak – jika ada 2 opsyen) dikira sebagai opsyen dominan.
- 3.7 Guru Cemerlang opsyen dominannya dikira berdasarkan kepada surat pelantikan sebagai guru cemerlang.
- 3.8 Master / PHD (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 40/2013) opsyen dominannya adalah berdasarkan kepada ijazah pertama dengan pendidikan.
- 3.9 Guru yang mengajar subjek ikhtisas sekurang-kurangnya 2 waktu boleh digunapakai sebagai opsyen dominan.

4. Sila memaklumkan kandungan surat ini kepada semua pegawai yang menguruskan data dan semua Pengetua / Guru Besar sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


DATO' HAJI SUFA'AT BIN TUMIN
Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia

- sk. 1. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
2. Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia